

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HKT 121 – Teori dan Kritikan Sastera

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Huraikan asas-asas pembinaan teori sastera. Merujuk kepada pandangan M.H. Abrams, bincangkan empat teori sastera yang dasar.
2. Bincangkan sumbangan dua golongan pengkritik sastera di Malaysia semenjak tahun 1960-an hingga sekarang. Kemudian kemukakan pandangan anda bagaimana kritikan sastera dapat membantu pembaca dan pengarang sastera.
3. Merujuk kepada pandangan Roman Ingarden, Wolfgang Iser, Roland Barthes dan Hans Robert Jauss, bincangkan peranan pembaca dalam teori resepsi.
4. “Kritikan feminism adalah sebahagian daripada pergerakan besar untuk pembebasan wanita.” Merujuk kepada kenyataan ini, bincangkan kritik feminis, ginokritik dan estetik wanita.

5. Berdasarkan kepada pendekatan kritik feminis, analisis novel **Tivi** karya Shahnon Ahmad. Seterusnya, dengan menggunakan cerpen "Cincin" karya Fatimah Busu, bincangkanannya daripada pendekatan ginokritik.
6. Novelet "**A4**" karya Mussidi adalah sebuah karya yang sesuai dianalisis dengan menggunakan pendekatan dekonstruksi. Bincangkan.
7. "Sethe," he says, "me and you, we got more yesterday than anybody. We need some kind of tomorrow." (**Beloved**: 273).

Merujuk kepada kenyataan di atas, bincangkan persoalan-persoalan masa lalu yang dihadapi oleh Sethe dan bagaimanakah ia mempengaruhi masa depannya?